



JABATAN KERJA RAYA MALAYSIA

**PEPERIKSAAN PERKHIDMATAN
PENOLONG JURUUKUR BAHAN
2014
*UKUR BAHAN***

KOD : PJU02

**SUBJEK : AMALAN DAN PROSEDUR
TENDER/KONTRAK**

TARIKH : 21 APRIL 2014

MASA : 2.00 PTG – 5.00 PTG

**DILARANG MEMBUKA KERTAS SOALAN
SEHINGGA DIARAHKAN**

ARAHAN KEPADA CALON

1. **Tuliskan angka giliran serta nombor kad pengenalan anda dengan terang pada tiap-tiap helai kertas jawapan yang digunakan. Jangan sekali-kali menulis nama anda pada kertas jawapan. Kertas jawapan yang mengandungi nama calon akan dianggap tidak sah.**
2. **Pastikan anda mendapat kertas soalan yang lengkap.**
3. **Jawab dalam Bahasa Malaysia sahaja. Istilah-istilah teknikal yang tidak terjemahannya atau sukar diterjemahkan boleh diketik dalam bahasa asalnya. Jawapan yang tidak mematuhi syarat ini tidak akan diberi markah.**
4. **Jawab secukup soalan sahaja mengikut arahan dalam kertas soalan. Jawapan bagi soalan lebih tidak akan diberi markah.**
5. **Semua perkiraan untuk mendapatkan jawapan hendaklah ditunjukkan. Jawapan yang betul tetapi tidak menunjukkan perkiraan tidak akan diberi markah.**
6. **Calon-calon digalakkan membuat lakaran untuk menjelaskan jawapan mereka di mana sesuai.**
7. **Calon-calon dilarang merujuk kepada buku atau sebarang bahan rujukan melainkan yang dibenarkan mengikut arahan yang tercatat dalam permulaan kertas soalan.**
8. **Penggunaan mesin pengira elektronik tanpa kemudahan program adalah dibenarkan melainkan jika dinyatakan sebaliknya di dalam kertas soalan.**
9. **Bagi subjek peperiksaan di mana masa rehat diberi (misalnya, subjek LUKISAN), calon-calon adalah dilarang membawa kertas soalan keluar dari dewan peperiksaan pada bila-bila masa sehingga keseluruhan peperiksaan untuk subjek berkenaan tamat.**
10. **Semua kertas jawapan mesti disusun dan diikat dengan sempurna.**
11. **Calon-calon dilarang mengambil kertas jawapan kosong yang telah disediakan keluar dari dewan peperiksaan pada bila-bila masa.**
12. **Calon-calon tidak dibenarkan keluar dewan peperiksaan dalam tempoh masa 30 minit dari mulanya peperiksaan.**
13. **Tindakan tatatertib akan diambil terhadap calon-calon yang menyerahkan kertas jawapan kosong (tanpa sebarang jawapan) sekiranya mereka tidak mempunyai sebab yang menasabah.**
14. **Calon-calon yang didapati meniru/menipu semasa menduduki peperiksaan akan dikenakan tindakan tatatertib.**
15. **Tindakan tatatertib akan diambil terhadap calon yang mengingkari arahan Ketua Pengawas semasa di dalam dewan peperiksaan.**

PERKARA : PJU02 – AMALAN DAN PROSEDUR TENDER/KONTRAK

ARAHAN KEPADA CALON

Kertas ini mengandungi sepuluh (10) soalan.
Jawab mana-mana lima (5) soalan sahaja.

Calon tidak dibenarkan merujuk kepada sebarang bahan rujukan.

SOALAN 1

Anggaran awalan sesuatu projek perlu disediakan bagi memperolehi jumlah kos yang diperlukan dan semakan sama ada peruntukan yang diperuntukkan oleh sesebuah Kementerian/Jabatan pelanggan mencukupi dan menjadi petunjuk terhadap jumlah wang yang diperlukan bagi projek tersebut. Sehubungan dengan itu:

- a) Nyatakan **empat (4)** kaedah penyediaan anggaran kos awalan.
(4 markah)

- b) Jelaskan perbezaan di antara *Preliminary Detailed Abstract (PDA)* dan *As Tendered Detailed Abstract (ATDA)*.
(8 markah)

- c) Nyatakan **lapan (8)** item yang terkandung di dalam *ATDA*.
(4 markah)

- d) Nyatakan **empat (4)** sumber yang boleh digunakan semasa penyediaan anggaran awalan.
(4 markah)

SOALAN 2

- a) Nyatakan **dua (2)** tujuan Dokumen Meja Tender (DMT) disediakan.
(4 markah)
- b) Nyatakan **tiga (3)** perbezaan di antara Dokumen Tender (DT) berasaskan Senarai Kuantiti dengan Dokumen Tender (DT) berasaskan Lukisan dan Spesifikasi.
(6 markah)
- c) Berdasarkan Surat Pekeliling Perbendaharaan (SPP) Bil. 5/2007, nyatakan kadar harga bagi helaian kertas Dokumen Tender berikut:

Saiz Kertas	Harga (RM)
A4	
A3	
A2	
A1	

- (2 markah)
- d) Senaraikan isi kandungan yang terdapat dalam Dokumen Meja Tender (DMT).
(8 markah)

SOALAN 3

- a) Merujuk kepada SPP Bil. 5/2007, terdapat tempoh minimum pengiklanan yang telah ditetapkan. Nyatakan tempoh minimum iklan tender bagi tender-tender berikut:
- i) Tender Tempatan
 - ii) Tender Antarabangsa
- (4 markah)

SOALAN 3 (sambungan)

- b) Jenis dan bilangan minimum akhbar yang diperlukan untuk iklan tender tempatan dan tender antarabangsa.

(4 markah)

- c) Nyatakan **dua belas (12)** perkara yang dinyatakan di dalam iklan tender.

(12 markah)

SOALAN 4

- a) Berdasarkan SPP Bil. 5/2007, nyatakan tempoh penyediaan Laporan Penilaian Tender.

(2 markah)

- b) Nyatakan Jawatankuasa Penilaian Tender, Keahlian dan tugas Jawatankuasa tersebut bagi tender-tender berikut:

Tender	Jawatankuasa	Keahlian	Tugasan
Tender Kerja Konvensional			
Tender Kerja <i>Design & Build</i>			

(14 markah)

- c) Nyatakan **empat (4)** tugas Lembaga Perolehan.

(4 markah)

SOALAN 5

- a) Berdasarkan SPP Bil. 5/2007, nyatakan syarat dan dokumen-dokumen sokongan yang perlu dikemukakan oleh kontraktor bagi membolehkan Bayaran Pendahuluan diproses bagi kontrak kerja.

(6 markah)

- b) Kes 1
- | | | |
|---------------------------|---|----------------------------|
| Kontraktor Utama | : | Pembinaan Unggul Sdn. Bhd. |
| Harga Kontrak | : | RM 11,697,278.71 |
| Wang Peruntukan Sementara | : | RM 3,570,000.00 |
| Wang Kos Prima | : | RM 3,500,405.60 |
| Tempoh Kontrak | : | 18 Bulan |

- Kes 2
- | | | |
|---------------------------|---|---------------------------------|
| Kontraktor Utama | : | Syarikat Lima Bintang Sdn. Bhd. |
| Harga Kontrak | : | RM 112,997,359.00 |
| Wang Peruntukan Sementara | : | RM 4,500,000.00 |
| Wang Kos Prima | : | RM 5,000,000.00 |
| Tempoh Kontrak | : | 18 Bulan |

Berdasarkan dua (2) maklumat projek yang diberikan di atas, kirakan nilai Bayaran Pendahuluan yang boleh disyorkan kepada kontraktor.

(8 markah)

- c) Nyatakan bilakah pemotongan bayaran balik Bayaran Pendahuluan mula dibuat dan diselesaikan.

(4 markah)

- d) Nyatakan tempoh maksimum bagi permohonan kontraktor untuk mendapatkan kemudahan bayaran pendahuluan.

(2 markah)

SOALAN 6

- a) Berdasarkan Arahan Perbendaharaan (AP) 202, berikan definisi arahan perubahan kerja (*Variation Order*).
(3 markah)
- b) Terangkan kaedah penilaian perubahan kerja.
(9 markah)
- c) Nyatakan **empat (4)** langkah yang boleh diambil untuk mengurangkan Perubahan Kerja di tapak bina.
(8 markah)

SOALAN 7

- a) Berdasarkan klausa 43 Syarat-Syarat Kontrak 203/203A (Pind. 1/2010), nyatakan **lima (5)** sebab yang membolehkan kontraktor mendapat lanjutan masa.
(5 markah)
- b) Merujuk kepada Syarat-Syarat Kontrak 203/203A (Pind. 1/2010), nyatakan **lima (5)** klausa yang melayakkan kontraktor mendapat Lanjutan Masa dan layak menuntut bayaran ganti kerugian dan/atau perbelanjaan tambahan.
(5 markah)
- c) Nyatakan **lima (5)** impak terhadap kontrak apabila Perakuan Lanjutan Masa diluluskan.
(5 Markah)
- d) Nyatakan **lima (5)** langkah bagi mengelakkan Lanjutan Masa sesuatu kontrak.
(5 markah)

SOALAN 8

- a) Berdasarkan Syarat-Syarat Kontrak 203/203A (Pind. 1/2010), nyatakan bila Perakuan Muktamad perlu dikeluarkan.

(4 markah)

- b) Semasa proses penyediaan Perakuan Muktamad, terdapat dokumen-dokumen yang diperlukan bagi tujuan itu. Nyatakan dokumen-dokumen tersebut.

(6 markah)

- c) Nyatakan item-item yang terdapat dalam Perakuan Akaun Dan Bayaran Muktamad.

(10 markah)

SOALAN 9

Takrifkan **lima (5)** perkara yang tersenarai di bawah:

- a) Wang Peruntukan Sementara
- b) Wang Kos Prima
- c) Wang Jaminan Pelaksanaan
- d) Sub-Kontraktor Dinamakan
- e) Tempoh Tanggungan Kecacatan

(20 markah)

SOALAN 10

- a) Berdasarkan SPP. Bil. 5/2009, huraikan secara ringkas tatacara menguruskan Sebutharga Kerja Terbuka.

(14 markah)

- b) Senaraikan item-item yang dinyatakan dalam Notis Sebutharga.

(6 markah)
